

Kebudayaan Islam

Bahasa Arab Pada Pandangan Setengah Orang Islam di Tanah Melayu

(Oleh Wahab Jalal)

Di dalam proses perkembangan bahasa-bahasa dunia zaman ini, bahasa Arab atau lebih tepat bahasa *al-Qur'ān al-Kārim* adalah di antara bahasa-bahasa yang mendapat sambutan dipelajari orang di serata dunia, dikuliahkan di universiti-universiti dan di kolej-kolej baik di Timur atau di Barat. Bukan sahaja kerana bahasa ini dituturi oleh berjuta-juta umat Arab di seluruh alam Arab di Asia dan di Afrika, malah satu bahasa kesusteraan dunia yang mengandungi rahsia yang amat indah penuh tamsil ibarat, makna dan bayan, balaghah yang tidak dapat dinikmati jika tidak dipelajari secara mendalam dan sungguh-sungguh.

Sejak Islam mula berkembang ke seluruh benua Arab dari zaman Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* membawa ke zaman Khalifah Abū Bakr al-Ṣiddīq *raḍīya Allāhu 'anhu* (tahun M 632) hingga masuk ke zaman Khalifah yang terakhir 'Alī bin Abū Ṭālib *karama Allāhu wajhah* (tahun 661M) bahasa Arab pun mulailah bersemarak mengambil peranan terpenting dalam segala urusan sama ada dalam soal pemerintahan negara, dalam soal pengetahuan bersangkut paut dengan hukum Islam atau lainnya. Tetapi nyatalah bahawa di dalam masa tiga puluh tahun itu (632-661) yang dulunya bahasa Arab tidak mengalami apa-apa perubahan tetapi kemudian telah bertukar menjadi bahasa

yang hidup di Timur Tengah.

Apabila Islam melebarkan sayapnya ke negara-negara Asia Afrika dan Eropah Timur dalam zaman pemerintahan Banī Umayyah dan 'Abbāsiyyah iaitu puncak zaman keemasan Islam (tahun 660-1258 M) sehingga tertakluk negara-negara Turki, Sepanyol, Morocco, Aljazair, Turkistan Parsi, Bukhara dan lainnya di bawah "*Dawlah Islāmiyyah*" maka bahasa al-Qur'ān pun turut berkembang pula dengan lancarnya menjadi bahasa perantaraan negara-negara tadi. Dan lebih meluas lagi pengaruhnya apabila Islam menjalar ke Tanah Besar China, ke perbatasan negeri-negeri Rusia, ke Timur Jauh, Malaya, Indonesia, Filipina dan selainnya.

Tegasnya bahasa ini tersiar ke merata-rata dunia pokoknya terletak pada perkembangan agama Islam. Di mana Islam bertapak di situlah dia berkembang.

Perlunya bahasa ini diketahui oleh setiap orang Islam tidak dapat dinafikan, bahkan lebih perlu dari bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa. Ada dua sebab besarnya, pertama: Kitab Suci al-Qur'ān iaitu sumber pertama bagi asas Islam diturunkan Allah di dalam Bahasa Arab. Kedua: al-Hadīth al-Nabawī (hadith Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*) iaitu sumber kedua bagi asas Islam di dalam bahasa Arab juga. Demikian pula

kitab-kitab besar yang bertali dengan hukum-hukumnya sekerat Fikah, Tafsir, Tauhid, Tarikh dan lain-lain pun tertulis di dalam bahasa ini juga.

Pendek kata bahasa al-Qur'an ini tidak dapat dipisahkan sama sekali dari agama Islam, bahkan dia merupakan bahasa agama Islam dan bahasa umat Islam di seluruh dunia. Orang Islam yang cuba mau memisahkan bahasa Arab dengan agama Islam, orang itu pengkhianat agama namanya dan perlu disingkirkan. Maka itulah sebabnya jikalau seseorang yang ingin mengkaji atau mendalami agama Islam baik pokok atau cabangnya, mengetahui bahasa Arab adalah menjadi syarat pertamanya. Dan kerana itu belumlah seseorang itu diakui alim tentang pengetahuan Islam jikalau ilmunya itu diambil dari buku-buku Barat atau

karangan profesor yang bukan Islam, dengan tidak mengetahui bahasa Arab dan membaca kitab-kitab Islam yang asal.

Bagi mengingatkan mustahaknya bahasa Arab dipelajari oleh setiap umat Islam, maka Nabi besar kita pernah bersabda "*Ta'llamū al-'arabiyyata wa 'allimūhā al-nās*".

Ertinya "Pelajarilah bahasa Arab dan ajarkanlah pula dia kepada orang ramai."

Tetapi di negara kita perhatian orang Islam terhadap bahasa ini tidaklah begitu mengambil berat kecuali beberapa golongan sahaja. Orang lebih gemar menghantarkan anak-anaknya mempelajari bahasa Inggeris, sehingga sanggup mengirim sampai ke England, ke Australia dan ke Amerika sekalipun. Hal ini disebabkan kebanyakan mereka



Pelajar-pelajar Madrasah al-Khairiah al-Arabiah Segamat, bergambar ramai dengan guru-gurunya untuk kenangan.

memandang bahasa Inggeris dari segi lahirnya, segi pasarannya. Sebaliknya tidak mengetahui akan rahsia bahasa Arab dari segi batinnya, hakikatnya dalam ilmu pengetahuan yang berkembang hari ini.

Mereka menyangka bahawa ilmu pengetahuan yang tersebar pada zaman ini semuanya berasal dari negeri Barat dan untuk itu bahasa-bahasa Barat perlu diketahui oleh anak-anak mereka lebih-lebih lagi bahasa Inggeris, dan bahasa al-Qur'ān itu tidak lebih dari merupakan bahasa agama semata yang tidak perlu sangat dipelajari, cukuplah anak-anak mereka belajar agama dari tok lebai-tok lebai di kampung atau dari kitab-kitab Melayu sahaja.

Demikianlah sempitnya orang-orang Islam di Tanah Melayu memandang bahasa Arab sebagai bahasa agama semata-mata. Kesempitan ini semakin terasa lagi di kalangan orang-orang yang tidak ada didikan agama yang sejak kecilnya sudah diasuh di sekolah Inggeris. Kerana itu bukanlah perkara ajaib jika terdapat di antara orang-orang Islam tadi yang sanggup mengatakan Islam itu satu agama yang penuh dogma tidak sesuai lagi dijadikan undang-undang hidup di zaman *sputnik* ini atau Islam agama tahyul penuh khurafat. Sebab pokoknya kejahilan mereka tentang Islam ialah kerana mereka tidak mengetahui bahasa Arab. Buku-buku Islam yang dibacanya, ditelaahnya semuanya buah tangan sarjana-sarjana Barat atau orang yang anti agama, yang penuh dengan teori-teori moden tentang Islam. Yang tentunya buku-buku itu lebih banyak yang merosakkan dan meruntuhkan.

Amat banyak contoh-contoh yang menunjukkan orang-orang Islam di negara kita ini jahil tentang bahasa agamanya sendiri. Kejahilan itu lebih ketara bila diadakan majlis bacaan Qur'an, dan maunya pembaca itu seorang yang ahli tentang lagu-lagu. Maka apabila terkena ayat "*'Azābun shadīd*" atau "*Fī nāri jahannama khālidīna fīhā abadā*" dibacakan oleh orang yang tidak mengetahui bahasa Arab, disebabkan terlalu indah lagu dan bacaan pada pendengarannya

dia pun memekik, *Allāh, Allāh, tayyib*. Padahal bagi orang yang faham bahasa Arab bila dibacakan ayat-ayat seumpama itu bukannya memekik tanda kesedapan, tetapi mengalir air matanya, kerana terharu mendengar bunyi ayat.

Dan contoh yang lebih terang lagi ialah ketika diadakan majlis sambutan agama yang ahli jemputannya terdiri daripada orang-orang kenamaan, Yang Berhormat A... itu dan tuan ini. Apabila "ahli Yang Berhormat itu" diminta memberi ucapan, maka jelaslah terdengar telornya dia melafazkan kalimah "*Al-Salāmu 'alaykum wa rahmatullāhi wa barakātuh*" lafaznya seperti seorang mualaf yang baharu masuk Islam padahal dia telah lama Islam, Islam sejak kecilnya. Dan lafaz telur memberi salam ini, selalu juga kedengaran dari setengah juruhebah Melayu di radio-radio ketika hendak memulakan siaran agamanya.

Alangkah hinanya orang Islam yang tidak dapat menyebut kalimah agamanya dengan baik. Tapi kehinaan itu langsung tidak dirasanya. Dia jauh lebih merasa hina jika tidak dapat bertutur bahasa Inggeris mengikut telur orang Inggeris sendiri. Dan merasa megah jika bertutur bahasa ibundanya dalam pelat bahasa itu.

Kita tidak menafikan yang bahasa Inggeris itu amat perlu dipelajari oleh setiap umat Islam, kerana selain dari merupakan bahasa internasional juga bahasa ilmu pengetahuan. Tetapi di samping giat mempelajari bahasa orang jangan lupa giat mempelajari bahasa agama sendiri, kalau tidak fasih sekurang-kurangnya betul melafazkan, menyebutnya. Jangan nanti sampai melafazkan kalimah "*Allāh*" dengan "*ilāh*" atau "*ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*" dengan "*sal lālahu 'alayhi wa ālihi wa sallam*" amat ganjil telinga mendengarnya.

Sesungguhnya jika dibandingkan pandangan orang Islam yang berjiwa Barat "tentang bahasa Arab" dengan orang Barat sendiri amat jauh bezanya. Orang-orang Barat yang

umumnya tidak beragama Islam itu amat menghargai akan bahasa al-Qur'ān ini. Kesedaran mereka terhadap nilai-nilai bahasa ini telah lama tumbuh di negeri mereka.

Sebab mereka tahu bahawa sebahagian ilmu pengetahuan yang berkembang hari ini, yang disangkakan oleh setengah-setengah orang berasal dari negeri Barat, yang sebenarnya ialah berasal dari orang Islam sendiri. Seumpama ilmu tabib, algebra, ukur mengukur, mantik, falsafah, ilmu alam, ilmu geografi dan lain-lain. Yang semua ilmu-ilmu itu ditulis di dalam Bahasa Arab hasil usaha sarjana-sarjana Islam dan filsuf-filsuf yang kenamaan seperti Ibn Khaldūn, al-Fārābī, Ibn Sinā, Abu Ḥayyān, Ibn Rushd, Ibn Zuhr, Imām Ghazālī, Ibn al-Bayṭār, dan di lain-lain lagi.

Boleh dikatakan bahasa Arab memainkan peranan terpenting dalam kemajuan dan pembangunan benua Eropah. Ini telah diakui oleh seorang profesor Barat katanya: “Benua Eropah masih dalam kegelapan, dan alim ulama Islamlah yang memberi suluh dengan mengajarkan ilmu tabib, ilmu alam, ilmu kepahlawanan dan beberapa pembaharuan”. Maka semua buah tangan sarjana-sarjana Islam

tadi kebanyakannya telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Barat; bahasa Inggeris, Jerman, Perancis dan lain-lain.

Kerana kesungguhan orang-orang Barat mempelajari bahasa Arab dapatlah mereka menyelidiki pengetahuan-pengetahuan Islam, yang kadang-kadang melebihi dari orang Islam sendiri, sehingga dapat mereka melahirkan beberapa orang sarjana yang ahli tentang selok belok agama dan kebudayaan Timur ini yang dikenal dengan panggilan “Orientalis”. Contohnya: Profesor Gibbs, Goldziher, Brown dan banyak lagi.

Sekianlah nilai bahasa al-Qur'ān di mata orang Barat bila dibandingkan dengan setengah orang-orang Islam di negara kita. Orang Barat memandang bahasa Arab sebagai suatu bahasa yang penuh hikmah yang mustahak dipelajari, dan orang kita di sini memandang bahasa ini sebagai bahasa agama yang murah harganya.

Kini sampailah masanya orang-orang Islam di tanah air menyedari yang bahasa Arab itu wajib diketahui, dipelajari oleh mereka dan anak-anak mereka. Bukan sahaja kerana bahasa Arab itu merupakan bahasa al-Qur'ān, bahasa hadith Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, bahasa kitab-kitab besar Islam dan bahasa umat Islam tetapi merupakan juga bahasa ilmu pengetahuan lainnya yang tak kurang atau harus melebihi bahasa Inggeris. Janganlah memandangnya sebagai bahasa agama yang murah harganya, sebaliknya pandanglah dia sebagai bahasa yang mempunyai hikmah dan rahsia untuk kehidupan di dunia dan di akhirat kelak.

“Sesungguhnya rahsia dan hikmah bahasa Arab ini tidak dapat dirasai kecuali oleh orang yang mempelajarinya, mendalaminya dengan sungguh-sungguh.” Bacalah *al-Qur'ān al-Karīm*, hadith-hadith Rasul, syair-syair dan curahan hati pujangga-pujangga Islam, bacalah dengan saksama! Di situ tuan akan bertemu dengan hikmahnya, rahsianya dan perasaan nikmat dan segala keindahan.

BUKU2 BARU

BACHAAN TAMBAHAN 1962

Pujangga Amir Hamzah	\$2.20
Raja Bersiong	.45
Si Pengail	.45
Abu Hasan Ganjil	1.00
Angsa Dan Burong Merak	.45
Rengkasam Sejarah Nabi Muhammad	1.50
Pesan-lah kepada: –	

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.